

Najib gagal masuk bukti baharu

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sekali lagi gagal dalam usahanya untuk memasukkan bukti baharu dalam rayuan akhirnya membabitkan sabitan dan hukuman atas kesalahan penyelewengan dana SRC International Sdn. Bhd. berjumlah RM42 juta di Mahkamah Persekutuan, semalam.

Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat yang mengetuai panel lima hakim sebulat suara memutuskan demikian selepas mendapati tiada kekhilafan dibuat oleh Mahkamah Rayuan ketika menolak permohonan tersebut.

Ketika membacakan penghakiman ringkas beliau, Mahkamah Rayuan telah membuat keputusan yang betul tanpa sebarang kekhilafan tiada sebarang kekhilafan dan tiada sebarang kesalahan yang membolehkan ia dirayu.

“Hakikatnya, affidavit sokongan dan affidavit tambahan bagi menyokong permohonan (untuk memasukkan bukti baharu) tidak menyatakan secara terperinci alasan rasional untuk memanggil



NAJIB Razak menghadiri prosiding permohonan untuk memasukkan bukti baharu dalam rayuan akhir kes SRC International di Mahkamah Persekutuan, Putrajaya, kelmarin. - UTUSAN/FAIZ ALIF AHMAD

saksi-saksi yang dimohon dan fakta yang hendak dikemukakan melalui saksi-saksi berkenaan,” kata Tengku Maimun ketika membaca penghakiman ringkasnya.

Beliau bersidang bersama-sama Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Rohana Yusuf; Hakim Besar Malaya, Tan Sri Azahar Mohamed; Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri Abang Iskandar Abang Hashim dan Hakim

Mahkamah Persekutuan, Datuk Seri Mohd. Zawawi Salleh.

Bukti baharu yang ingin dimasukkan Najib dalam rayuannya akhirnya antaranya membabitkan penglibatan bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar yang dikatakan bersekongkol dengan Jho Low atau Low Taek Jho bagi memudahkan ahli perniagaan dalam buruan itu untuk menyeleweng dana 1Malaysia Deve-

lopment Berhad (1MDB) dan anak syarikatnya SRC International.

Pada 7 Disember 2021, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan menolak permohonan tersebut atas alasan tiada keadaan istimewa yang membolehkan keterangan baharu itu diterima.

Selain itu, panel semalam menyatakan, mereka tidak boleh bersetuju dengan hujah pembelaan yang diketuai peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah bahawa kaitan antara bukti baharu yang ingin dikemukakan perlu dilihat secara permukaan sahaja.

“Pada pandangan kami, isu yang dikemukakan dalam sesuatu kes perlu mempunyai kaitan dengan pertuduhan yang dihadapi. Isu dalam kes jenayah perlu berkaitan dengan pertuduhan dan elemen-elemen yang perlu dibuktikan dalam pertuduhan tersebut.

“Isu yang dipertikaikan dalam kes. ini adalah berkaitan dengan pengetahuan perayu (Najib) dengan transaksi-transaksi membabitkan RM42 juta itu. Kami tidak nampak bagaimana bukti-bukti baharu yang ingin dimasukkan adalah relevan dengan isu pengetahuan,” kata panel itu.